



SOALAN LAZIM (FAQ'S)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP)
BILANGAN 1

1. Saya berhasrat membuat permohonan pembaharuan sijil kompetensi saya sebagai OYK yang berdaftar dengan JKKP semasa tempoh PKP. Salah satu syarat pembaharuan perlu mengumpul mata 30 Program Pendidikan Berterusan (CEP) setiap tahun. Adakah sebarang kelonggaran diberikan terhadap syarat ini?

Bagi tujuan pembaharuan kompetensi tertentu untuk memastikan OYK berkenaan sentiasa mempunyai pengetahuan yang selaras dengan perkembangan semasa KKP maka OYK disyaratkan untuk mengumpul mata CEP menerusi kaedah yang telah ditetapkan. Memandangkan kemungkinan terdapat kesukaran untuk OYK mengumpul mata CEP lanjutan daripada PKP COVID-19, maka jabatan membuat ketetapan mata CEP bagi mana-mana tahun pendaftaran yang melibatkan tempoh PKP COVID-19 **dikurangkan kepada 10 mata sahaja**. Kelonggaran ini hanya terpakai untuk OYK yang tempoh mula dan tamat sah sijilnya termasuk di dalam tempoh PKP COVID-19.

Contoh A:

Tempoh pendaftaran En. Ali adalah dari 1 Ogos 2017 hingga 31 Julai 2020. Jumlah mata CEP yang perlu dikutip ialah;

Tahun	Tempoh	Bil mata CEP perlu dikutip
1	1 Ogos 2017 – 31 Julai 2018	30
2	1 Ogos 2018 – 31 Julai 2019	30
3	1 Ogos 2019 – 31 Julai 2020	10*
Jumlah		70

*Termasuk dalam tempoh PKP

Contoh B:

Tempoh pendaftaran En. Bala adalah dari 1 Julai 2018 hingga 30 Jun 2021.
Jumlah mata CEP yang perlu dikutip ialah;

Tahun	Tempoh	Bil mata CEP perlu dikutip
1	1 Julai 2018 – 30 Jun 2019	30
2	1 Julai 2019 – 30 Jun 2020	10*
3	1 Julai 2020 – 30 Jun 2021	30
Jumlah		70

* Termasuk dalam tempoh PKP

Contoh C :

Tempoh pendaftaran En. Chong adalah dari 18 Mac 2017 hingga 17 Mac 2020.
Jumlah mata CEP yang perlu dikutip ialah;

Tahun	Tempoh	Bil mata CEP perlu dikutip
1	18 Mac 2017 – 17 Mac 2018	30
2	18 Mac 2018 – 17 Mac 2019	30
3	18 Mac 2019 – 17 Mac 2020	30
Jumlah		90

Nota: Tiada pengurangan mata CEP kerana tempoh sah pendaftaran tidak termasuk dalam tempoh PKP COVID-19.

2. Adakah latihan secara *online* mendapat mata CEP dari JKKP?

Ya, dengan syarat latihan secara *online* tersebut mendapat kelulusan daripada JKJP.

3. Bagaimana cara untuk mendapat kelulusan JKJP bagi melaksanakan latihan secara *online* yang bertujuan mendapatkan mata CEP?

Pemohon hendaklah mengemukakan borang permohonan dan dokumen sokongan sebagaimana permohonan CEP sedia ada. Selain itu, pemohon juga perlu mengemukakan maklumat berikut:

- a) Prosedur bertulis berserta carta alir menjalankan latihan *online*;
- b) Video demo latihan;
- c) Jenis platform dalam talian yang digunakan;
- d) Prosedur kawalan kehadiran peserta latihan;
- e) Prosedur kawalan data peribadi peserta;
- f) Kaedah penilaian, ujian atau kertas tugas (mana yang berkenaan); dan.
- g) Kriteria pemberian sijil kepada peserta.

Permohonan perlu dihantar kepada Pengarah Bahagian Keselamatan Industri, JKJP Ibu Pejabat.

- 4. Tempat kerja saya tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP COVID-19 menyebabkan saya tidak mempunyai bukti-bukti menjalankan tugas yang boleh disertakan bersama pemohonan pembaharuan SHO saya. Apa yang perlu saya lakukan?**

Pemohon boleh menyertakan bukti menjalankan tugas sebagai SHO bagi 3 bulan terkini sebelum tempoh PKP.

- 5. Adakah kursus *Ergonomic Trained Person* (ETP) dan Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan (OSH-C) boleh dilaksanakan secara *online*?**

Ya, dengan syarat kursus tersebut mendapat kelulusan daripada JKKP dan dikendalikan oleh pusat pengajar yang diberi kebenaran oleh JKKP bagi melaksanakan kursus berkenaan.

- 6. Bagaimana cara untuk pusat pengajar mendapat kelulusan JKKP bagi melaksanakan kursus *Ergonomic Trained Person* (ETP) dan Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan (OSH-C) secara *online*?**

Pengurusan pusat pengajar perlu mengemukakan surat permohonan menjalankan *Ergonomic Trained Person* (ETP) dan Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan (OSH-C) kepada Ketua Pengarah JKKP melalui emel dengan menyertakan maklumat berikut:

- i. Salinan surat kelulusan sebagai pusat pengajar yang diiktiraf oleh JKKP bagi menjalankan kursus ETP atau OSH-C;
- ii. Prosedur bertulis berserta carta alir menjalankan latihan *online*;
- iii. Video demo latihan;
- iv. Jenis platform dalam talian yang digunakan;
- v. Prosedur kawalan kehadiran peserta latihan;
- vi. Prosedur kawalan data peribadi peserta;
- vii. Kaedah penilaian, ujian atau kertas tugasan (mana yang berkenaan); dan.
- viii. Kriteria pemberian sijil kepada peserta.

- 7. Bagaimanakah cara Firma Yang Kompeten (FYK) yang ingin membuat permohonan pembaharuan pengiktirafan FYK dalam tempoh PKP?**

Bagi tujuan permohonan pembaharuan pengiktirafan FYK, permohonan lengkap hendaklah dihantar menerusi email. Memandangkan saiz dokumen permohonan yang besar, pemohon perlu email berserta pautan (*hyperlink*) dokumen permohonan kepada wanhilemi@mohr.gov.my

Walaubagaimanapun, pemohon hendaklah mengemukakan dokumen salinan cetak (*hardcopy*) kepada Bahagian Keselamatan Industri, JKKP Ibu Pejabat dalam tempoh 30 hari selepas tarikh akhir PKP.

8. Apakah status pemeriksaan ulangan kilang yang tarikhnya jatuh dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ATAU jentera berperakuan yang tarikh sah laku Perakuan Kelayakan (CF) tamat dalam tempoh PKP?

- a) Berdasarkan peruntukan Peraturan 15(1), Peraturan – Peraturan (Pemberitahuan, Sijil Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970, Jabatan telah membuat keputusan untuk menangguhkan pemeriksaan ulangan bagi
 - (i) kilang yang tarikh pemeriksaannya jatuh pada tarikh mula PKP iaitu 18 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020;
 - (ii) jentera berperakuan yang tarikh tamat sah laku Sijil Perakuan Kelayakan pada tarikh mula PKP iaitu 18 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020.

PENANGGUHAN diberikan sehingga **3 bulan daripada** tarikh pemeriksaan ulangan kilang ATAU tarikh tamat sah laku Perakuan Kelayakan jentera berkenaan.

ATAU

- b) Pengarah Bahagian / Negeri boleh membenarkan pemeriksaan berkanun dijalankan atas sebab – sebab yang kritikal, tetapi masih tertakluk kepada arahan terkini Majlis Keselamatan Negara.

9. Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) untuk suku pertama tahun 2020 tidak dapat dilaksanakan atas sebab untuk mengelakkan perkumpulan ramai sepanjang tempoh pelaksanaan PKP ini, dan ianya berlanjutan sehingga ke suku kedua tahun 2020. Adakah mesyuarat untuk suku pertama itu masih perlu dilakukan, atau boleh dibatalkan tanpa perlu diganti, atau boleh digabungkan dengan mesyuarat suku kedua? Dan jika boleh digabungkan, adakah perlu ada dua minit mesyuarat yang berlainan atau boleh digabungkan sekali didalam satu minit mesyuarat?

Sekiranya mesyuarat JKK yang telah dirancang terpaksa ditunda kerana PKP, majikan mempunyai pilihan seperti berikut:

Pilihan 1: Melaksanakan mesyuarat menggunakan kaedah alternatif seperti telesidang;

ATAU

Pilihan 2: Tangguh dan adakan mesyuarat selepas tempoh PKP berakhir.

Namun, majikan perlu memastikan mesyuarat JKK dijalankan sekurang-kurangnya 4 kali setahun dan diminitkan setiap satu.

10. Penaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan (CHRA) / Penaksiran Risiko Bising (NRA) / Permonitoran Pendedahan kepada Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan (CEM) / Pemeriksaan dan Pengujian LEV tidak dapat dijalankan mengikut masa yang sepatutnya, kerana penutupan premis berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Bagi tempat kerja yang tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP, **CHRA / NRA / CEM** / Pemeriksaan dan Pengujian **LEV** perlu dilaksanakan sebaik sahaja tempoh PKP berakhir.

Manakala bagi tempat kerja yang beroperasi pada tempoh PKP, **CHRA / NRA / CEM** / Pemeriksaan dan Pengujian **LEV** hendaklah dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan dalam perundangan berkaitan.

Jika ianya tidak dapat dilaksanakan, majikan hendaklah mengemukakan sebab secara bertulis kepada Pengarah JKPP negeri dengan menyertakan pelan tindakan susulan selepas tamat tempoh PKP.

11. Adakah pihak majikan boleh dikenakan tindakan oleh pihak JKPP sekiranya kemalangan berlaku semasa bekerja dari rumah? Sedangkan keselamatan dan kesihatan pekerja semasa bekerja dari rumah adalah di luar kawalan pihak majikan?

Sebelum majikan memutuskan untuk menganjurkan pekerja “bekerja dari rumah”, majikan hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut:-

- (i) Bagaimana pemantauan akan dilakukan oleh majikan terhadap pekerja tersebut?
- (ii) Apakah jenis aktiviti yang hendak diberikan dan tempoh pelaksanaan aktiviti tersebut?
- (iii) Adakah aktiviti pekerjaan tersebut selamat untuk pekerja melakukannya di rumah?
- (iv) Apakah langkah-langkah kawalan diperlukan untuk melindungi pekerja semasa menjalankan aktiviti pekerjaan tersebut?

Jika kemalangan berlaku, majikan boleh diambil tindakan sekiranya gagal untuk memastikan setakat yang praktik langkah-langkah kawalan kepada pekerjanya.

12. Sekiranya berlakunya kemalangan semasa bekerja dari rumah, adakah ianya dikategorikan sebagai “kemalangan berkaitan pekerjaan”? Sekiranya ya, apakah jenis-jenis kemalangan yang boleh dikategorikan untuk pihak majikan melaporkan kepada pihak JKKP?

Kemalangan yang berlaku semasa pekerja bekerja dari rumah dikatakan sebagai “kemalangan berkaitan pekerjaan” apabila kemalangan tersebut berkait secara langsung dengan aktiviti melakukan kerja dan bukannya disebabkan keadaan persekitaran rumah. Contoh situasi dan jenis kemalangan adalah seperti berikut:

Situasi		Jenis Kemalangan
1	Pekerja meja bantu sistem (<i>helpdesk</i>) mengendalikan pertanyaan pelanggan menggunakan komputer riba di rumah. Semasa sedang menjawab pertanyaan, pekerja tersebut tersandung kabel komputer lalu komputer riba jatuh dan mencederakan kakinya dengan mendapat cuti sakit sebanyak 5 hari .	Berkaitan pekerjaan dan <u>perlu</u> dilaporkan melalui pelaporan dalam talian MyKKP (JKKP 6)
2	Pekerja diarahkan oleh majikan menjahit pakaian di rumah dengan menggunakan mesin jahit. Semasa sedang menjahit jari pekerja telah tertusuk jarum dan mendapat cuti sakit sebanyak 2 hari .	Berkaitan pekerjaan dan <u>tidak perlu</u> dilaporkan, tetapi perlu direkodkan dalam talian MyKKP (JKKP 8)
3	Pekerja sedang membuat laporan kewangan syarikat di dalam bilik rumahnya. Semasa bergegas untuk menjawab panggilan telefon di ruang tamu, beliau telah terpijak alat permainan anaknya lalu terjatuh dan ibu jari kakinya patah.	Tidak berkaitan pekerjaan
4	Pekerja yang bekerja di rumah mengalami renjatan elektrik kerana pendawaian rumah yang rosak.	Tidak berkaitan pekerjaan

“Kemalangan berkaitan pekerjaan” di atas yang perlu dilaporkan adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004.

13. Sepanjang tempoh PKP, jika Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) diarahkan oleh majikan untuk bekerja dari rumah, adakah JKPP akan mengambil tindakan ke atas SHO sekiranya berlaku kemalangan di tempat kerja pada tempoh tersebut?

Pada masa ini, sektor pekerjaan yang dibenarkan untuk menjalankan operasi adalah seperti yang ditetapkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Peraturan-peraturan di bawahnya.

Sekiranya berlaku kemalangan di tempat kerja yang beroperasi dalam tempoh PKP dan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) bekerja dari rumah, siasatan akan dijalankan oleh JKPP untuk mengenal pasti punca kemalangan dan sebarang tindakan punitif akan diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab.

Pada dasarnya, tindakan punitif yang akan diambil berkemungkinan besar ke atas majikan dan bukannya SHO. Walau bagaimanapun, jika terdapat bukti yang kukuh berlakunya kegagalan SHO menjalankan kewajipan beliau di bawah Akta atau Peraturan yang berkaitan, tindakan punitif boleh diambil ke atas beliau.

30 APRIL 2020